



KETUA SETIAUSAHA
(Secretary General)
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
MINISTRY OF WOMEN, FAMILY
AND COMMUNITY DEVELOPMENT
Aras 36, No.55, Persiaran Perdana,
Presint 4,
62100 PUTRAJAYA,
MALAYSIA.



Tel: 03 - 8000 8000
Faks : 03 - 8323 2003
Portal Rasmi: www.kpwkm.gov.my
Email: sabariah@kpwm.gov.my

SULIT

KPWKM (S) :18/25/01 Jld. 5 (73)
11 Mei 2016

SENARAI SEPERTI EDARAN

YBhg. Dato'/Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan,

PENETAPAN KETUA JABATAN YANG BOLEH MENANDATANGANI BORANG PENGESAHAN MAJIKAN UNTUK PINJAMAN PERIBADI

Saya ingin merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Dato'/Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan sedia maklum, penjawat awam adalah tertakluk kepada larangan berada dalam keterhutangan kewangan yang serius sebagaimana Peraturan 13 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

3. Di samping itu, surat Jabatan Perkhidmatan Awam JPA(S)TT.7082 Jld. 6(36) bertarikh 4 Januari 2006 telah menetapkan agar pendapatan bersih pegawai hendaklah berada pada paras sekurang-kurangnya 40 peratus daripada jumlah emolumen. Ini merupakan salah satu kaedah bagi mengelakkan pegawai terlibat dalam keterhutangan kewangan yang serius.

4. Sebagai langkah kawalan dalaman, Jawatankuasa Kerja kepada Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JK JITU) dalam mesyuaratnya Bilangan 1 Tahun 2016 pada 16 Februari 2016 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah memutuskan agar Kementerian menetapkan senarai nama pegawai yang boleh menandatangani Borang Pengesahan Majikan untuk sebarang pinjaman peribadi. Kementerian telah bersetuju dengan penetapan penyelia yang boleh menandatangani Borang Pengesahan Majikan untuk pinjaman peribadi seperti di Lampiran I.



BURIM
CERTIFIED TO MS ISO 9001: 2006
Registration No: AR 8888

MS ISO/IEC 17021: 2008
CS 02121999 CB 51

SULIT

SULIT

5. Bagi memastikan para 4 dapat dikawal dan dilaksanakan dengan sewajarnya, penyelia yang dibenarkan/ditentukan untuk menandatangani Borang Pengesahan Majikan **perlu merujuk dan membuat semakan** ke atas peratusan potongan berkenaan, di maklumat *Payroll Master Listing* yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) sebelum menandatangani borang tersebut. Borang tersebut hanya boleh ditandatangani sekiranya peratusan potongan **termasuk amaun bayaran bulanan pinjaman yang dipohon** tidak melebihi 60% daripada emolumen pegawai. Mesyuarat yang sama seperti di perenggan 4 turut memutuskan agar **tindakan tatatertib diambil ke atas Ketua Jabatan yang membenarkan/memperakukan pinjaman peribadi pegawai** yang sudah sedia ada melebihi 60 peratus daripada emolumen, atau akan menyebabkan jumlah potongan melebihi 60 peratus daripada emolumen.

6. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Dato'/Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan adalah dipohon untuk **memastikan perkara ini dilaksana dan disampaikan kepada semua warga kerja di bawah seliaan** YBhg. Dato'/Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan.

7. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

- (i) **Puan Nadzemah binti Mohd Som**
Akauntan, Bahagian Akaun KWPKM
No. Tel. : 03-8323 2564
E-mel : nadzemah@kpwkm.gov.my
- (ii) **Puan Intan Syahrina binti Zainal Abidin**
Ketua Unit Integriti KPWKM
No. Tel. : 03-8323 1132
E-mel : syahrina@kpwkm.gov.my
- (iii) **Puan Siti Nur Dzulaikha binti Mohd Ghazali**
Akauntan, Bahagian Akaun KPWKM
No. Tel. : 03-8323 1181
E-mel : dzulaikha@kpwkm.gov.my

SULIT

SULIT

8. Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.


DATO' SABARIAH HASSAN

s.k.

TKSU(O)

TKSU(S)

**PENETAPAN PENYELIA YANG BOLEH MENANDATANGANI BORANG
PENGESAHAN MAJIKAN UNTUK PINJAMAN PERIBADI**

Bil.	Kementerian/Jabatan	Pegawai Yang Boleh Menandatangani Borang Pengesahan Majikan
1. Kementerian		
	Ketua Setiausaha	Timbalan Ketua Setiausaha
	Timbalan Ketua Setiausaha	Ketua Setiausaha
	Setiausaha Bahagian/Ketua Unit	Ketua Setiausaha/Timbalan Ketua Setiausaha
	Pegawai dan kakitangan di Bahagian / Unit	Setiausaha Bahagian / Ketua Unit
	Pegawai dan Kakitangan pejabat anggota pentadbiran	Setiausaha Sulit Kanan
2. Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (Ibu Pejabat)		
	Ketua Pengarah	Ketua Setiausaha/Timbalan Ketua Setiausaha
	Timbalan Ketua Pengarah	Ketua Pengarah JKM
	Pengarah Bahagian	Ketua Pengarah JKM/Timbalan Ketua Pengarah JKM
	Pegawai dan kakitangan di bahagian	Pengarah Bahagian JKM
3. Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (Negeri)		
	Pengarah Negeri	Ketua Pengarah JKM
	Timbalan Pengarah Negeri	Pengarah JKM Negeri
	Pegawai dan kakitangan di JKM Negeri	Pengarah JKM Negeri/Timbalan Pengarah JKM Negeri

Bil.	Kementerian/Jabatan	Pegawai Yang Boleh Menandatangani Borang Pengesahan Majikan
4. Jabatan Pembangunan Wanita (Ibu Pejabat)		
	Ketua Pengarah	Ketua Setiausaha/Timbalan Ketua Setiausaha
	Timbalan Ketua Pengarah	Ketua Pengarah JPW
	Pengarah Bahagian	Ketua Pengarah JPW/Timbalan Ketua Pengarah JPW
	Pegawai dan kakitangan di Bahagian	Pengarah Bahagian JPW
5. Pejabat Pembangunan Wanita (Negeri)		
	Pengarah Negeri	Ketua Pengarah JPW
	Timbalan Pengarah Negeri	Pengarah PW Negeri
	Pegawai dan kakitangan di JPW Negeri	Pengarah PW Negeri/Timbalan Pengarah PW Negeri
6. Institut Sosial Malaysia (ISM)		
	Pengarah	Ketua Setiausaha/Timbalan Ketua Setiausaha
	Timbalan Pengarah	Pengarah ISM
	Pendaftar/Ketua Unit/Ketua Kluster	Pengarah ISM/Timbalan Pengarah ISM
	Pegawai dan kakitangan di Bahagian/Unit/Kluster	Ketua Bahagian/Unit/Kluster
7. Institusi		
	Pengetua/Pengurus	Pengarah JKM Negeri/Timbalan Pengarah JKM Negeri
	Pegawai dan kakitangan institusi	Pengetua/Pengurus

Bil.	Kementerian/Jabatan	Pegawai Yang Boleh Menandatangani Borang Pengesahan Majikan
8. Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD)		
	Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah	Pengarah JKM Negeri/Timbangan Pengarah JKM Negeri
	Pegawai dan kakitangan PKMD	Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah

Nota:

1. Jika terdapat kekosongan perjawatan pada pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani Borang Pengesahan Majikan, pegawai yang menanggung kerja pegawai yang diberi kuasa hendaklah mengesahkan borang tersebut.